

DATE: 25/01/2008

# Pakatan Islam, Barat – PM

Um - 25/1/2008



Daripada  
**OTHMAN MOHAMAD**  
Davos, Switzerland

**DAVOS** 24 Jan. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa supaya pakatan strategik dibentuk di antara dunia Islam dan Barat bagi merencanakan agenda ekonomi negara-negara Islam seperti termaktub dalam Deklarasi Mekah, yang diputuskan pada Persidangan Negara Islam (OIC) pada akhir 2005.

Perdana Menteri berkata, dunia Islam tidak akan mencapai kemajuan yang mencukupi jika bergerak bersendirian tetapi ia boleh meningkat maju dengan pantas jika bergandingan dengan negara-negara lebih maju di Barat.

Abdullah yang juga Pengerusi OIC membuat gesaan itu ketika memberi pandangan beliau pada sidang pleno *Kepercayaan dan Pemodenan* pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini hari ini. Ucapan beliau dibuat atas tajuk "*Kepercayaan Muslim dan Pemodenan*".

Beliau menegaskan perpecahan serius dan tidak sihat berlaku di antara Barat dan dunia Islam sekarang dan akar kepada masalah itu ialah politik.

"Ya perlu diatasi tetapi ia tidak boleh menjadi halangan kepada kerjasama yang produktif dalam bidang-bidang lain."


Oleh itu, tegas beliau, pakatan strategi antara Barat dan dunia Islam bagi menggerakkan agenda ekonomi seperti terkandung dalam Deklarasi Mekah akan menjadi peluang bersejarah bagi merapatkan jurang dan menyatukan semula dua tamadun yang besar.

"Pakatan ini boleh berlaku menerusi pembentukan platform yang membolehkan negara anggota OIC bersama-sama negara-negara maju di Barat mewujudkan arah strategi, penyelarasan dan kerjasama."

"Ya boleh merangkumi merangka sokongan dan kerjasama antarabangsa dan Barat; serta mengenal pasti bidang-bidang baru kerjasama bagi mempercepatkan agenda ekonomi dalam Deklarasi Mekah."

"Kemajuan akan dicapai lebih pantas jika bekerjasama khususnya dengan negara-negara Barat yang maju. Mereka mempunyai sumber dan kepakaran untuk membantu anggota-anggota OIC."

"Barat juga akan memperoleh kelebih-



**ABDULLAH Ahmad Badawi berucap pada sidang pleno *Kepercayaan dan Pemodenan* di Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland, semalam.**  
- Bernama

han besar kerana pembangunan pesat di dunia Islam bermakna wujud pasaran lebih besar, lebih banyak dagangan serta wujud lebih kestabilan dan keamanan," kata beliau.

OIC pada sidang kemuncaknya di Mekah pada Disember 2005, telah melancarkan Deklarasi Mekah untuk mengatasi cabaran-cabaran utama negara-negara anggota.

Ia menggesa supaya pembaharuan dibuat dalam semua bidang termasuk politik, ekonomi dan sosial menerusi Program Tindakan 10 Tahun yang perlu dilaksanakan oleh semua negara anggota OIC.

Abdullah turut menekankan betapa semua kepercayaan memupuk keamanan, muhibah dan persefahaman bersama.

"Semua kepercayaan mengajar keadilan, memupuk kasih sayang dan membantu mereka yang kurang bernasib baik. Semua kepercayaan bencikan penindasan, eksploitasi dan keganasan terhadap yang tidak berdosa," jelasnya.

Oleh itu, jelas Abdullah: "Kepercayaan kita sepatutnya menyatukan kita, bukannya memisahkan kita semua. Malahan, dalam banyak masyarakat pelbagai anutan agama termasuk masyarakat saya, mereka yang pelbagai anutan itu hidup rukun damai."

Abdullah seterusnya mengatakan bahawa kerap kali berlaku pertikaian tetapi ia bukannya disebabkan oleh kepercayaan.

"Ya kerana politik dan usaha mengejar pembangunan ekonomi dan kuasa ketenteraan, yang kemudiannya mencetuskan keganasan. Sering berlaku manipulasi ideologi sama ada sekular mahupun yang beragama."

"Tiada satu pun kepercayaan menentang kemajuan dan pemodenan. Malahan ajaran Islam menggalakkan pemodenan... Dalam Islam, kerja adalah satu bentuk ibadat," katanya.

Katanya lagi, kemodenan jelas wujud dalam dunia Islam bagi yang mahu mene-

litinya.

Bangunan tertinggi di dunia kini terletak di bandar raya Islam, Burj Dubai. Menara Berkembar Petronas merupakan menara berkembar tertinggi di dunia, juga terletak di bandar raya Islam.

Malahan, negara Islam terbesar iaitu Indonesia mengamalkan demokrasi manakala telah ada wanita Islam menjadi presiden dan perdana menteri, tambahna.

Sungguhpun begitu, kata Perdana Menteri, masih terdapat bahagian dunia Islam yang belum maju - berasaskan kepada kemiskinan, buta huruf, tahap kesihatan, peluang pekerjaan mengikut gender serta penyelidikan dan pembangunan - dan mereka ketinggalan.

Keganasan dan ketidakstabilan pula wujud di sesetengah negara Islam.

"Namun, itu semua tiada kena-mengena dengan Islam," tegas Abdullah.

- Utusan